



PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR

# INFO@MAFI

Bilangan 2/2021 (Jun 2021)

[www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my) | [@mafimalaysia](https://www.instagram.com/mafimalaysia) [f](https://www.facebook.com/mafimalaysia) [t](https://www.twitter.com/mafimalaysia) [y](https://www.youtube.com/mafimalaysia)

**YBM MAFI  
KETUAI  
DELEGASI  
MALAYSIA KE  
PERSIDANGAN  
FAO KE-42  
SECARA MAYA**



# YBM MAFI KETUAI DELEGASI MALAYSIA KE PERSIDANGAN FAO KE-42 SECARA MAYA

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mengetuai Delegasi Malaysia secara maya ke Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) Kali ke-42 yang telah diadakan di Rome, Itali pada 14 hingga 18 Jun 2021.

Delegasi Malaysia turut dianggotai oleh TYT Dato' Abdul Malik Melvin Castelino, Duta Besar Malaysia ke Itali sebagai Wakil Tetap Malaysia ke FAO. Persidangan ini yang melibatkan Sesi Plenari, *Commission I* dan *Commission II* telah disertai oleh delegasi dari 183 negara ahli melibatkan lebih dari

1,300 delegasi termasuk 119 Menteri dan Timbalan Menteri negara-negara anggota.

Dalam kenyataan Malaysia yang telah disampaikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee pada persidangan berkenaan dengan tema "*AGRICULTURE FOOD SYSTEMS TRANSFORMATION: FROM STRATEGY TO ACTION*", beliau telah menekankan agenda jaminan keselamatan bekalan makanan negara bertujuan memastikan bekalan makanan yang bukan sahaja mencukupi tetapi juga mampu dimiliki, selamat dan berkualiti.



Delegasi Malaysia mengetengahkan keutamaan memacu transformasi inovasi dan digital dalam penggubalan dasar dan halatuju sektor pertanian. Malaysia turut menyarankan FAO untuk mengaplikasi dan memanfaatkan sumber-sumber berkaitan dalam menyokong pelaksanaan projek dan program di bawah *Regional Conference for Asia and the Pacific (APRC)* yang mampu memperkasakan negara-negara membangun melalui kerjasama dalam sektor pertanian dan makanan, terutamanya di dalam bidang teknologi dan inovasi, pertukaran kepakaran teknikal, pembangunan kapasiti serta perkongsian pengetahuan.

Secara keseluruhannya, pencapaian utama bagi Persidangan FAO kali ke-42 ini memfokuskan kepada cabaran yang dihadapi oleh komuniti dunia pada hari ini, merangkumi kesan penularan COVID-19, akses kepada diet sihat, kemiskinan dan jurang yang taraf hidup, malah turut melibatkan isu-isu lain seperti malnutrisi dan ketidaktentuan jaminan bekalan makanan.







# MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA KALI KE-2 BILANGAN 1 TAHUN 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang berlangsung pada 8 Jun 2021 telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato Seri Haji Mahiaddin Haji Md Yassin secara sidang video dan turut dihadiri secara maya oleh Ahli Jawatankuasa Kabinet FSCC merangkumi 11 buah kementerian termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Agenda mesyuarat kali ini merangkumi lima (5) pembentangan, iaitu tiga (3) Kertas Pertimbangan dan dua (2) Kertas Makluman. Pelaksanaan pelan tindakan yang dipacu menerusi 15 strategi dan 96 inisiatif merentasi agensi dan kementerian ini dijangka menyumbang kepada pelbagai keberhasilan yang disasarkan. Pelan Tindakan ini menumpukan kesemua empat dimensi



Mesyuarat secara prinsipnya bersetuju untuk memperakukan Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 berteraskan matlamat untuk memperkukuh daya tahan sistem makanan negara. Pelan Tindakan ini meliputi lima (5) teras strategik:

- » **Teras Strategik 1:** Perluasan Penggunaan Teknologi
- » **Teras Strategik 2:** Pemerksaan Kajian dan Penyelidikan
- » **Teras Strategik 3:** Pemerksaan Data Sekuriti Makanan
- » **Teras Strategik 4:** Perluasan Kolaborasi Strategik
- » **Teras Strategik 5:** Pengukuhan Governans Jabatan dan Agensi.

sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampuan seiring dengan dimensi sekuriti makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pelan Tindakan ini turut memaparkan aspirasi *Whole of Society* yang didukung oleh Kerajaan menerusi galakan kepada pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), kerajaan negeri dan rakyat untuk turut serta dalam menyahut usaha memperkukuh sekuriti makanan negara. Turut hadir ke mesyuarat yang diadakan secara maya ini adalah Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri MAFI I, Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi, Timbalan Menteri MAFI II dan Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI serta Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi MAFI.

## SESI PEMERIKSAAN MENGEJUT: MAFI PANTAU KELANGSUNGAN SEKTOR PADI DAN BERAS DALAM TEMPOH PKP

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah turun padang ke kawasan IADA Barat Laut Selangor pada 17 Jun 2021 untuk sesi pemeriksaan mengejut bagi memantau kelangsungan aktiviti pengeluaran padi dan beras serta meninjau kawasan sawah yang terkesan akibat serangan perosak ulat pengorek batang dan ulat gulung daun. Turut serta dalam sesi pemeriksaan ini adalah Timbalan Menteri MAFI I, YB Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah dan Ketua Setiausaha MAFI, YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid.

Dalam pada masa yang sama, YB Menteri MAFI turut melihat sendiri Tapak Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) diusahakan oleh FGV Holding Sdn. Bhd. dengan seliaan MAFI. Smart SBB mengaplikasi penggunaan Mekanisasi dan *Internet*

*of Things* (IoT) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan semaian, penanaman, pembajaan serta meracun menggunakan dron dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah. YB Menteri MAFI juga mengadakan pemeriksaan ke loji pengeluaran benih padi Syarikat Dataran Pusaka untuk meninjau kelancaran proses pengeluaran benih padi bagi menampung keperluan penanaman padi untuk musim akan datang. MAFI sentiasa mengambil pendekatan proaktif untuk memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi dan tidak terjejas walaupun negara berada dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan "Total Lockdown" yang kini memasuki fasa Pelan Pemulihan Negara.







## YB TIMBALAN MENTERI I MAFI TINJAU OPERASI SEKTOR PERTANIAN DI TANAH RATA CAMERON HIGHLANDS

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah turun padang pada 20 Jun 2021 bagi meninjau sendiri kelangsungan operasi sektor pertanian di Tanah Rata Cameron Highlands yang terjejas berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Tinjauan diketuai oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dengan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian,

Datuk Haji Mohd Nasir Warris, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli, dan Pengarah jabatan dan agensi MAFI di Negeri Pahang.

Tinjauan bertujuan untuk melihat sendiri operasi di lapangan dan juga pergerakan lori-lori yang membawa bekalan sayur-sayuran melalui sekatan jalanraya bagi semua sektor pertanian yang dilaporkan telah terjejas apabila beberapa kawasan dan lokasi pertanian diletakkan dibawah sekatan pergerakan yang diperketatkan. Selain meninjau operasi sektor pertanian di lapangan, YB Timbalan Menteri Pertanian I turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di SJR Lojing di sempadan negeri.

Agensi MAFI seperti FAMA sentiasa bekerjasama dengan persatuan-persatuan penanam sayur setempat bagi memastikan kelangsungan bekalan sayur negara. Dianggarkan terdapat seramai 500 orang pengusaha sayur dan 80 orang petani bunga menjalankan aktiviti pertanian di kawasan ini, yang turut menghasilkan 560 tan metrik sayur-sayuran segar setiap hari untuk diedar dan diagihkan sebanyak 50 peratus ke Kuala Lumpur, 16 peratus dipasarkan ke Ipoh dan baki 9 peratus ke pasaran tempatan yang lain.

## TINJAUAN KE KOMPLEKS ABATOIR DVS: BEKALAN TERNAKAN UNTUK HARI RAYA KORBAN MENCUKUPI

YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi telah mengadakan tinjauan pada 19 Jun 2021 di Kompleks Abatoir Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di Kota Bharu, Kelantan yang merupakan salah satu daripada tiga rumah sembelih ruminan yang terdapat di Kelantan. Tinjauan tersebut dilaksanakan bagi meninjau keadaan status bekalan daging khususnya menjelang Hari Raya Aidiladha yang akan datang.

Setelah mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, dianggarkan permintaan lembu/kerbau untuk korban adalah sebanyak 39,172 ekor dan kambing/bebiri sebanyak 21,949 ekor untuk tahun 2021. Berdasarkan anggaran bekalan ternakan daripada

perangkaan Jabatan iaitu 43,842 ekor lembu/kerbau dan 33,173 ekor kambing/bebiri, adalah dijangka mencukupi untuk menampung permintaan sembelihan korban pada tahun ini sebanyak 39,172 ekor lembu/kerbau dan 21,949 ekor kambing/bebiri.

Sebanyak 27 buah rumah sembelih Jabatan di seluruh Semenanjung Malaysia sedia untuk beroperasi dan 10 daripada rumah sembelih berkenaan telah memenuhi syarat *Export Supply Chain Assurance System (ESCAS)* bagi tujuan penyembelihan ternakan daripada Australia. Di samping itu, DVS telah mengeluarkan lesen kepada 35 buah rumah sembelih swasta diseluruh Semenanjung Malaysia yang boleh memberi perkhidmatan penyembelihan bagi tujuan korban.





# PENYERAHAN SURAT PERLANTIKAN KETUA PENGARAH MARDI

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah menyempurnakan penyerahan surat perlantikan kepada YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Seluruh warga MAFI mengucapkan Setinggi-tinggi Tahniah kepada YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah MARDI berkuatkuasa 9 Jun 2021.



## TAKLIMAT BERSAMA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) MAFI MENGENAI PENSTRUKTURAN SEMULA BAHAGIAN PEMASARAN DAN EKSPORT SERTA BAHAGIAN PELABURAN

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, YBrs. Puan Azah Hanim Ahmad telah mempengerusikan taklimat secara maya pada 17 Jun 2021 yang membincangkan antara lain kelulusan penstrukturan semula Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE) dan Bahagian Pelaburan kepada Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan serta fungsi baru Bahagian dan fungsi-fungsi Pejabat-pejabat Perwakilan Pertanian di luar negara.



## MESYUARAT TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN) BERSAMA INTERNATIONAL COCONUT COMMUNITY

Pada 18 Jun 2021, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, YBrs. Dr. Anis Mahmud telah menghadiri mesyuarat penyelarasan bersama *International Coconut Community* untuk membincangkan mengenai peranan Malaysia sebagai Tuan Rumah 50th COCOTECH Conference & Exhibition yang dijadualkan pada tahun 2022.

